

**Dr Mahathir Minta Rakyat Fikir Natijah Jatuhkan Kerajaan Melalui Kekerasan
Bernama
07 Mei, 2012**

ALOR SETAR, 7 Mei (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat di negara ini mempertimbangkan sebaik-baiknya natijah menjatuhkan kerajaan menerusi rusuhan dan kekerasan, seperti yang cuba dilakukan pembangkang pada perhimpunan 28 April lepas di ibu kota.

Bekas Perdana Menteri itu juga percaya pembangkang akan terus melakukan pelbagai perkara untuk memburukkan kerajaan selagi matlamat menjatuhkan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) tidak tercapai.

"Mereka nak jadikan Malaysia seperti Mesir, Tunisia yang dijatuhkan melalui rusuhan dan sekarang Syria...bila kerajaan tak jatuh, boleh minta kuasa asing tolong jatuhkan, tak kiralah guna senjata sekalipun.

"Rakyat kena fikir dan tidak boleh benarkan perkara ini berlaku dengan memberi kemenangan besar kepada BN pada PRU (pilihan raya umum) akan datang," katanya pada Wacana Negarawan anjuran Persatuan Bekas Wakil-wakil Rakyat BN (Mubarak), di sini malam Ahad.

Beliau juga percaya Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim akan terus melakukan segala usaha yang memburukkan kepimpinan kerajaan bagi memenuhi matlamatnya menjadi perdana menteri.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664177>